

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DR. KELVIN YII LEE WUEN [BANDAR KUCHING]

TARIKH : 8 DISEMBER 2021 (RABU)

SOALAN

DR. KELVIN YII LEE WUEN [BANDAR KUCHING] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan Rancangan Kementerian untuk memperkenalkan strategi "Saringan COVID-19 Kebangsaan" yang sangat penting dalam usaha untuk kita beralih ke fasa endemik secara selamat dan lestari.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

1. Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) ingin memaklumkan bahawa KKM telah menyediakan Strategi Pengujian COVID-19 Kebangsaan yang pelaksanaannya berkuatkuasa pada 26 November 2021 dalam usaha Malaysia untuk beralih ke fasa endemik secara selamat dan lestari.
2. Strategi ini diwujudkan bagi membolehkan pembukaan semula sektor sosial dan ekonomi dengan selamat, memperkasa rakyat untuk hidup dalam fasa endemik dengan selamat dan memupuk keyakinan serta memutuskan rangkaian jangkitan COVID-19.
3. Strategi ini menggunakan empat (4) tonggak utama yang perlu dilakukan di pelbagai peringkat dan fasiliti iaitu;
 - i. Mencegah dan mengurangkan penularan jangkitan melalui

SOALAN NO : 35

respon kesihatan awam (*Find, Test, Trace, Isolate and Support Strategy- FTTIS*) dan *Point-of-Care Testing (POCT)*

- ii. Diagnosa dan pengurusan kes dalam menyediakan rawatan klinikal bagi mengurangkan morbidity dan mortality COVID-19.
- iii. Survelan berterusan untuk memantau insiden penyakit, mengesan vaksin breakthrough *infection* dan menjalankan ujian *genomic*.
- iv. Pemerksaan komuniti dan pihak berkepentingan dalam menjalankan saringan dalam ujian sendiri.

4. Strategi saringan di bawah tonggak ini merangkumi:

- i. Pengujian Tempat Kerja
- ii. Pengujian Sektor Pendidikan
- iii. Pengujian Perhimpunan Berskala Besar:
- iv. Pengujian Bagi Kumpulan Sasaran
- v. Pengujian bagi Pengurusan Wabak
- vi. Pengujian bagi Program Survelan

5. Keberkesanan pelaksanaan strategi ini bergantung kepada kerjasama dan tanggungjawab bersama di antara kementerian, pihak berkepentingan dan masyarakat secara keseluruhannya dengan pendekatan *all of government and all of society*.

Sekian, terima kasih.